

**Berita Minggu – 12/9/2004**

**Sejarah akan menilai kehebatan Dr Mahathir**

*Oleh Kalimullah Hassan*

PADA 1983, saya dan isteri menikmati makan tengah hari di sebuah restoran Malaysia di Bond Street, London untuk meraikan graduasinya pada hari sebelumnya. Di sebuah meja berhampiran, kami membuat kesimpulan daripada perbualan yang agak kuat oleh dua wanita muda – seorang dari Singapura dan seorang lagi dari Pulau Pinang.

Wanita dari Pulau Pinang itu mengadu bahawa apabila beliau memberitahu beliau dari Malaysia, maka mereka akan bertanya sama ada Malaysia terletak berhampiran Thailand atau Singapura. Beliau mendakwa berasa amat malu menyebabkan beliau tidak lagi mengaku dari Malaysia dan memberitahu orang bahawa beliau datang dari Singapura. Daripada beberapa sudut, kita dapat memahami rasa malunya kerana Malaysia tidak begitu dikenali, terutamanya di sebuah negara yang telah menjajah kita untuk sekian lama.

Agak mengecewakan bahawa rakyat Malaysia begitu mudah untuk berpura-pura sebagai rakyat negara lain daripada sepatutnya memberi penjelasan di mana letaknya Malaysia dan semua yang boleh diceritakan mengenai Malaysia. Lain pula ceritanya pada 2002. Di sebuah bandar kecil di Scotland, seorang rakan dari Malaysia, yang menulis untuk penerbitan antarabangsa, sedang bercuti di Britain dengan isterinya, seorang rakyat Singapura. Dia berada di dalam sebuah restoran kecil di bandar kecil itu apabila seorang rakyat Scotland yang mesra bertanya dari mana mereka datang.

Wartawan itu, yang tinggal di Singapura, terus menjawab yang dia dari Malaysia. Jawapan yang diberikan rakyat Scotland itu adalah, "Anda mempunyai Perdana Menteri yang hebat. Dr Mahathir Mohamad (gambar). Orangnya baik." Wartawan itu berkata, beliau tersenyum bangga dan telah menceritakan hal ini kepada ramai orang.

Dalam kunjungan ke banyak tempat di serata dunia – India, Timur Tengah, Australia, Singapura, Eropah – kita telah mendengar ulasan serupa banyak kali. Sepanjang 22 tahun Tun Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri, telah banyak perubahan untuk kebaikan Malaysia dan rakyatnya.

Kira-kira separuh daripada rakyat negara ini pada hari ini terlalu muda untuk mengingati peristiwa akhir 1970-an dan awal 1980-an. Lebih daripada 80 peratus daripada mereka lahir selepas Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri. Bagaimanapun, golongan yang lebih tua di kalangan kita tentunya masih ingat bahawa walaupun ada makanan terhidang di atas meja, tetapi keadaan tidak sebegitu mewah.

Ramai rakyat Malaysia berhijrah ke Australia, Singapura, New Zealand dan negara-negara lain kononnya untuk mencari peluang lebih baik, menyara keluarga dan menjalani cara hidup berbeza, tetapi beberapa tahun kemudian kecewa dan mahu kembali semula. Hanya ada beberapa buah universiti (pada akhir 1970-an dan awal 1980-an), malah jumlah kolej swasta juga amat kurang. Sebahagian besar melanjutkan pelajaran ke luar negara adalah melalui pemberian biasiswa atau berusaha mendapatkan pembelajaran di peringkat kolej.

Ketika itu, kerja juga tidak mudah diperolehi dan hanya sebilangan kecil daripada kita berani untuk menyimpan impian besar. Bagaimanapun, setelah beberapa tahun Dr Mahathir merevolusikan pemikiran kita, kita mula percaya bahawa kita mampu untuk menyaingi negara-negara dunia jika kita memusatkan pemikiran. Beliau berjaya membuatkan kita percaya kepada diri sendiri dan mungkin, hadiah terbesar yang diberikan kepada kita adalah membuatkan kita untuk *berfikir* sebagai rakyat Malaysia. Bukan sebagai orang Melayu, bukan orang Cina, bukan orang India, Kadazan atau Iban, tetapi sebagai rakyat Malaysia.

Dr Mahathir melakukan banyak perkara untuk membangunkan Malaysia yang telah membuatkan tugas penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi lebih mudah. Bukan tanpa sebarang sebab bahawa Abdullah, pada beberapa tahun terakhir sebagai Timbalan Perdana Menteri dan sejak menjadi Perdana Menteri pada 31 Oktober tahun lalu, telah menjadikan 'menguruskan kejayaan' sebagai satu daripada tema utama ucapannya.



Apa yang hendak dilakukan oleh Abdullah adalah untuk membawa kejayaan itu ke tahap lebih tinggi, untuk menyemai mentaliti dunia pertama sejajar dengan infrastruktur dunia pertama yang telah disediakan oleh Dr Mahathir kepada Malaysia.

Dr Mahathir telah memilih pengganti yang berkebolehan jika kita membuat penilaian daripada pertumbuhan ekonomi mapan, kepopularan Abdullah di kalangan rakyat, dan penghormatan peringkat antarabangsa yang diberi kepadanya. Kelmarin, Dr Mahathir, dengan berpakaian baju Melayu berwarna putih dan berkain pelekat, adalah antara orang pertama menziarahi dan memberi penghormatan kepada Allahyarham Puan Sri Siti Sapura Husin, isteri pengasas Sapura Holdings Tan Sri Shamsuddin Abdul Kadir.

Bapa Shamsuddin, Abdul Kadir, adalah pemandu kepada seorang eksekutif kanan British. Shamsuddin memulakan kerjaya penghidupan agak lewat dengan belajar di sekolah rendah Inggeris hanya pada usia 17 tahun tetapi berjaya melompat kelas dan akhirnya pada usia pertengahan 20-an menjadi jurutera dan bekerja dengan Telekom Malaysia.

Beliau mencuburi perniagaan pada pertengahan 1970-an tetapi hanya pada era Dr Mahathir beliau berjaya. Dengan sokongan yang diberikan isterinya yang memiliki sifat lemah lembut dan merendah diri serta pembantunya, Rameli Musa yang setia, beliau berjaya membangunkan empayar Sapura sehingga menjadi seperti hari ini. Rameli sendiri pada hari ini adalah ahli perniagaan yang berjaya. Dasar properti Dr Mahathir melahirkan ramai usahawan Malaysia yang kecil dan besar, biarpun sesetengahnya diketahui gagal, tanpa kontroversi, ternyata memberi keuntungan kepada Malaysia dan rakyatnya.

Krisis kewangan pada 1997 adalah antara cabaran besar Dr Mahathir. Apabila beliau memperkenalkan kawalan pertukaran wang asing tidak konvensional, bukan sebilangan rakyat Malaysia malah seluruh dunia tidak bersetuju. Sebaik saja memperkenalkan kawalan pertukaran wang asing berkenaan serta mengurangkan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) yang mengenakan kadar faedah tinggi, Dr Mahathir yang berada di majlis sambutan hari jadi cucu perempuannya didatangi Datuk Francis Lau yang hadir bersama anaknya.

Francis yang menyerahkan sepucuk surat kepada Dr Mahathir ditanya: "Kedatangan anda ke sini untuk menyerahkannya kepada saya?" Ternyata, pada awalnya beliau menjangka surat berkenaan sama sebagaimana yang lain bertujuan meminta bantuan. Beliau kemudian membuka surat itu dan selepas membaca tiga perenggan beliau memandang Francis sambil berkata, "Terima kasih."

Dalam surat berkenaan, Francis berterima kasih kepada Dr Mahathir kerana kejayaannya menurunkan kadar faedah yang dikatakan menjimatkan sehingga RM4 juta setahun bagi kadar berkenaan, sekali gus membantu menyelamatkan perniagaan beliau. Beberapa tahun selepas itu, terbukti Dr Mahathir mengambil langkah tepat serta menyelamatkan Malaysia daripada mengalami nasib yang sama dengan negara lain yang dilanda krisis kewangan. Mereka yang mencemooh Dr Mahathir antaranya termasuk Bank Dunia, IMF, penerbitan asing seperti The Economist, The Wall Street Journal dan majalah Time serta pemimpin asing terpaksa akur.

Malah sesetengahnya masih tidak dapat menerima kerana kesilapan mereka serta masih memburuk-burukkan Perdana Menteri Malaysia keempat itu. Dalam masa enam minggu, ia mungkin tahun pertama Abdullah sebagai Perdana Menteri. Ia juga adalah setahun selepas Dr Mahathir melepaskan jawatannya.

Pastinya sukar untuk dilupakan kesanggupan beliau melepaskan jawatan ketika kepopulariti beliau melonjak selepas peristiwa krisis kewangan dan penyingkiran Datuk Seri Anwar Ibrahim. Hakikatnya, tahun kepemimpinan Dr Mahathir tidak selalu indah kerana Malaysia melalui tempoh penuh cabaran seperti Operasi Lalang 1987, pemecatan Ketua Hakim Negara ketika itu, Tun Salleh Abas serta pengurangan kekebalan sistem beraja ketika krisis Perlembagaan pada 1983 dan 1992, perpecahan Umno 1997 dan akhir sekali krisis kewangan.

Bagaimanapun, akhirnya jika dilihat kembali tahun-tahun di bawah pentadbiran Dr Mahathir dianggap paling baik. Suara suumbang pengkritik tidak sepatutnya dibiarkan menilai pemerintahan Dr Mahathir sedangkan pihak yang paling berhak membuat penghakiman adalah rakyat yang majoriti senyap. Majoriti senyap ini mengembalikan kuasa Barisan Nasional yang memberikan majoriti dua pertiga setiap kali pilihan raya umum diadakan. Sejak beberapa hari lalu, terlalu banyak kritikan dilemparkan kepada Dr Mahathir oleh penerbitan asing yang tidak pernah bersikap baik terhadap beliau.

Penulis Associated Press yang berpangkalan di Kuala Lumpur dalam tulisannya menyifatkan keputusan Mahkamah Persekutuan yang menarik tuduhan kes liwat terhadap Anwar sebagai 'berakhimya era Mahathir'. Anwar sendiri diberi liputan meluas sejak dibebaskan dan mengatakan beliau tidak mempunyai sebarang dendam terhadap Dr Mahathir. Dalam temubual dengan Financial Times, beliau membandingkan Dr Mahathir dengan Joseph Stalin dari Soviet Union.

Tiada merit dalam melihat semula perkara itu selepas enam tahun kerana ia masih bersifat emosi serta menjadi isu yang masih terus diperdebatkan. Mahkamah membebaskan Anwar tetapi hakim yang sama mengekalkan pembabitian beliau dengan aktiviti homoseksual – sebab yang diberikan Dr Mahathir terhadap pemecatan Anwar itu ialah beliau tidak sesuai untuk memimpin negara.

Perlu diingat bahawa Dr Mahathir ialah yang membawa Anwar ke dalam Umno dan Dr Mahathir yang membentuk beliau hingga menjadi kemarahan rakan Umno yang lain. Ia adalah antara keputusan yang paling sukar perlu dibuat termasuk akhirnya menandatangani surat pemecatan Anwar sebagai Timbalan Perdana Menteri. Penyokong Anwar serta rakannya sendiri tidak mempercayai langsung tuduhan liwat yang disifatkan mereka sebagai perbuatan khianat.

Dr Mahathir sendiri mempunyai pandangan berbeza terhadap beliau. Tetapi ia akan sentiasa dikritik. Yang pastinya setiap orang tahu bahawa Mahathir bukanlah Stalin atau Hitler. Dr Mahathir hanyalah Dr Mahathir bagi kebanyakan rakyat Malaysia – seorang pemimpin yang baik, kebanggaan bangsa, bersemangat patriotik dan negarawan. Inilah bagaimana sejarah akan mengenang beliau.